

31/10/2003

Guru, pelajar lahir perasaan terharu

By Syuhada Choo Abdullah

GURU dan pelajar menyanjung tinggi kecemerlangan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya membawa kemajuan pesat dan memartabatkan maruah negara pada mata dunia, sekali gus menyuarakan perasaan terharu berikutan persaraannya setelah 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri, hari ini.

Mereka, terutama pelajar yang membesar ketika negara di bawah teraju Dr Mahathir, melahirkan rasa bangga, bersyukur dan berterima kasih kepada negarawan ulung itu, malah memberi pengiktirafan tersendiri sebagai contoh terbaik semangat 'Malaysia Boleh' dengan sikapnya yang penuh karisma, berani, tabah, gigih dan berkeyakinan tinggi.

Penghargaan mereka terserlah melalui pelbagai aktiviti berlangsung pada perhimpunan khas sempena persaraan Perdana Menteri yang diadakan serentak di sekolah dan institusi lain bawah Kementerian Pendidikan jam 9.00 pagi semalam, termasuk penyampaian ucapan, bacaan puisi, nyanyian lagu patriotik dan juga deklamasi sajak.

Tinjauan Berita Harian di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Pudu, Kuala Lumpur, mendapati warga sekolah itu menghasilkan kain rentang dan buku skrap istimewa mengenai Dr Mahathir, manakala Pengetuanya, Raja Jumaah Raja Salim sendiri membacakan puisi bertajuk 'Dirgahayu Dr Mahathir' karya Sasterawan Negara, Datuk Dr A Samad Said.

Antara program yang turut diadakan ialah membaca teks ucapan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad oleh Penolong Kanan Satu, Jamilah Zainal; teks ucapan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat (Ketua Bidang Bahasa, Mahsuri Omar); teks surat terbuka pelajar sekolah Malaysia kepada Dr Mahathir (Ketua Pengawas, Chong Cheng Yee); deklamasi sajak 'Perjuangan yang Belum Selesai'; serta nyanyian lagu 'Legenda' dan 'Pahlawanku'.

Raja Jumaah ketika ditemui mengakui dirinya cukup mengagumi sikap Perdana Menteri yang sentiasa tenang menghadapi pelbagai cabaran dan masalah demi kepentingan negara serta rakyat, di samping tidak pernah kehabisan idea bernas untuk terus memacu kemajuan Malaysia.

"Sikapnya yang begitu tenang membuktikan beliau bukanlah pemimpin yang melihat setiap kritikan secara negatif dan cepat berputus asa atau mengalah, sebaliknya memiliki personaliti cukup berkualiti, termasuk praktikal, pragmatik, bersemangat tinggi dan berhati mulia.

"Bagi mengatasi suatu masalah besar dihadapi negara, memerlukan seorang pemimpin yang benar-benar berfikiran luas, berpandangan jauh dan tabah. Ini bermakna bukan calang-calang orang berupaya melakukannya tetapi Perdana Menteri berjaya membuktikan kemampuan beliau," katanya.

Guru Disiplin, Noor Aziah Abdul Rahman Safawi, berkata sumbangan Dr Mahathir selama ini berjaya menaikkan imej negara pada mata dunia, lebih-lebih lagi melalui pelaksanaan sistem pendidikan bermutu tinggi serta bertaraf global.

Chong yang kini belajar di tingkatan empat, berasa bangga kerana berpeluang menikmati kepimpinan Perdana Menteri yang begitu berkaliber dan berharap pengganti beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan meneruskan usaha itu.

"Salah satu bukti kejayaan terbesar Dr Mahathir ialah memelihara perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini yang menjadi tulang belakang kestabilan dan keharmonian Malaysia," katanya.

Rakannya, Najwa Abdul Karim, berterima kasih kepada Dr Mahathir atas

`jagaannya' yang penuh komitmen dan berdedikasi terhadap negara dan rakyat.

(END)